

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 18 JULAI 2018 (RABU)

SOALAN : 58

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan strategi dan rancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang Kementerian untuk menyelesaikan atau mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di negeri-negeri di luar Selangor dan Kuala Lumpur seperti Melaka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah jangka panjang untuk menyelesaikan atau mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas adalah melalui perkukuhan perkhidmatan pengangkutan awam. Bagi bandar-bandar di luar Lembah Klang, Kerajaan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sedang membangunkan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) Wilayah Selatan, Utara dan Timur bagi tempoh 20 tahun yang mengenalpasti cabaran serta isu berkaitan pengangkutan awam darat di peringkat bandar, negeri dan wilayah seterusnya mencadangkan pelan-pelan tindakan untuk menaik taraf dan meningkatkan kualiti pengangkutan awam darat seiring matlamat dan objektif RIPAD Negara ke arah menyediakan satu sistem pengangkutan awam darat yang selamat, boleh diharap, responsif, mudah diakses, terancang, bersepadu, mampu dibayar dan mampan. Negeri Melaka adalah termasuk di dalam RIPAD Wilayah Selatan bersama Negeri Johor dan Negeri Sembilan.

Status kemajuan pembangunan RIPAD Wilayah Selatan ini telah berada pada fasa Laporan Akhir yang dijangka akan siap pada suku ke-4 tahun ini, dimana kelulusan pada fasa Laporan Interim telah diluluskan oleh

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu pada Mac 2018. RIPAD Wilayah Selatan ini dilaksanakan dengan kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri melalui bengkel-bengkel yang diadakan, dan akan diselaraskan dengan rancangan-rancangan pemajuan sedia ada di peringkat negeri. Kajian RIPAD Wilayah Selatan ini akan menggariskan cadangan-cadangan projek serta program yang sesuai untuk dilaksanakan termasuk di Melaka bagi meningkatkan kualiti pengangkutan awam di kawasan terlibat.